

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

09 Okt 2015

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pada minggu lepas Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) telah disepakati oleh 12 negara-negara ahli, sekaligus membuka laluan bagi penggubal undang-undang di negara-negara terbabit untuk mengundi bagi menguatkuasakan undang-undang tersebut di negara masing-masing. Dua belas negara terlibat dalam rundingan bagi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik tersebut, iaitu Amerika Syarikat, Singapura, Brunei, New Zealand, Chile, Australia, Peru, Vietnam, Malaysia, Mexico, Kanada dan Jepun.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Mustapa Mohamed telah memberi jaminan bahawa Malaysia hanya akan menandatangani TPPA tersebut setelah terma rasmi dan teks akhir Perjanjian disiapkan dan dikemukakan kepada orang awam, serta dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan.

MSWG percaya wujud potensi perdagangan dan akses kepada pasaran yang besar di bawah Perjanjian ni, namun, seperti juga banyak pihak lain, kami juga bimbang mengenai sebarang kesan buruk kepada ekonomi dan orang awam. Perjanjian ini perlu memberikan lebih banyak manfaat positif daripada negatif sebelum ianya ditandatangani. Kita perlu tunggu dan lihat perkembangan ini dengan teliti.

Dalam hal yang berasingan, Hong Kong telah menamatkan rancangan untuk membenarkan saham yang mempunyai dua kelas dan struktur pengundian wajaran yang lain di bursa sahamnya, berikutan bantahan daripada pihak kawal selia pasaran.

Keputusan ini telah menjejaskan dan mengakibatkan kehilangan kos peluang bagi beberapa syarikat teknologi terbesar dunia yang tersenarai di Bursa Saham Hong Kong.

Tumpuan kepada tadbir urus yang betul dan penggunaan amalan baik global adalah sama dengan pendirian yang diambil Hong Kong pada tahun lepas, yang melibatkan tawaran awam awal (IPO) bernilai \$25 bilion bagi syarikat e-perdagangan gergasi China iaitu Alibaba.

Saham dua kelas adalah popular terutamanya di Amerika Syarikat di kalangan pengasas syarikat teknologi jutawan seperti Facebook dan Google, yang mahu menjual saham tanpa melepaskan kawalan, dengan tujuan untuk mengekalkan kawalan ke atas inovasi teknologi.

Jika Hong Kong membenarkan struktur sedemikian, ia mungkin akan mewujudkan lebih banyak cara untuk mengenyahkan kepentingan pemegang saham minoriti. Kami lega keputusan untuk menggunakan amalan terbaik telah diambil.

Mungkin terdapat cara yang lebih baik untuk menangani kebimbangan pengasas syarikat untuk mengekalkan kawalan ke atas inovasi teknologi.

Rita

---

## SENARAI PEMANTAUAN MSWG

### **MALAYSIA BUILDING SOCIETY BERHAD (“MBSB”)**

Pada 1 Oktober 2015 MBSB telah mengumumkan bahawa ia telah menerima surat daripada Bank Negara Malaysia (“BNM”) bertarikh 30 September 2015 yang menyatakan bahawa BNM secara prinsipnya tidak mempunyai halangan bagi MBSB memulakan rundingan dengan pemegang saham Bank Muamalat Malaysia Berhad (“BMMB”) sedia ada bagi cadangan penggabungan MBSB dan BMMB (“Cadangan Penggabungan”). BNM menetapkan rundingan itu perlu diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat BNM.

Citigroup Global Markets Limited dan AmlInvestment Bank Berhad akan bertindak sebagai Penasihat bagi MBSB bagi Cadangan Penggabungan tersebut. Butiran lanjut mengenai Cadangan Penggabungan ini akan diumumkan pada masa yang bersesuaian.

*[Sumber: Pengumuman MBSB di laman sesawang Bursa Malaysia pada 1 Oktober 2015]*

### **LAY HONG BERHAD (“LAY HONG”)**

Di dalam jawapan kepada soalan mengenai aktiviti pasaran luar biasa yang dikemukakan oleh Bursa Malaysia, Lay Hong di dalam suratnya yang bertarikh 2 Oktober 2015 telah menyatakan fakta-fakta berikut:

1. Terdapat sebuah artikel bertajuk “Another Shareholding Change in Lay Hong” yang diterbitkan di dalam akhbar The Star, Business News pada 2 Oktober 2015. Kumpulan ini sedang mengadakan perbincangan berkaitan dengan beberapa pelabur asing baharu, yang pada masa ini masih belum lagi dimuktamadkan. Syarikah telah menyerahkan beberapa cadangan kepada pelabur asing yang berpotensi dan kini sedang menunggu pengesahan mereka. Syarikat menjangkakan untuk menyelesaikan rundingan dalam tempoh satu bulan. Syarikat akan membuat pengumuman yang berkenaan menurut tanggungjawabnya di bawah Keperluan Penyenaaran Papan Utama Bursa Malaysia apabila perkara ini telah dimuktamadkan.
2. Kumpulan sedang melakukan perbincangan berkaitan kemungkinan untuk memasuki projek usahasama (“JV”) untuk melabur di dalam perniagaan ternakan integrasi di dalam pasaran luar negara, yang masih belum dimuktamadkan pada masa ini. Kedua-dua pihak JV sedang memuktamadkan terma-terma utama sebelum memeterai sebarang dokumen undang-undang dan ini disasarkan untuk dimuktamadkan dalam tempoh satu bulan. Syarikat akan membuat pengumuman yang berkenaan menurut tanggungjawabnya di bawah Keperluan Penyenaaran Papan Utama Bursa Malaysia apabila perkara ini telah dimuktamadkan.

3. Syarikat telah mengeluarkan Surat Hasrat bertarikh 22 September 2015 (“LOI”) kepada Takaso Resources Berhad (“TRB”) dengan hasrat untuk mengambilalih 200,000 unit saham biasa TRB 100 masing-masingnya di dalam Takaso SC (Thailand) Limited (“TSC”), yang merupakan 100% modal saham yang diterbitkan dan berbayar TSC daripada TRB (“Cadangan Transaksi”). LOI tersebut telah diterima oleh TRB pada 2 Oktober 2015. Satu pengumuman mengenai Cadangan Transaksi tersebut telah dilakukan pada hari yang sama.

Syarikat akan membuat pengumuman yang berkenaan kepada Bursa Malaysia mengenai sebarang maklumat material di bawah Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia, terutamanya di bawah perenggan 9.03 mengenai tanggungjawab untuk melakukan penzahiran dengan serta-merta.

*[Sumber: Pengumuman Lay Hong di laman sesawang Bursa Malaysia pada 2 Oktober 2015]*

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

### Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*